



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

ARAHAN KETUA PENGARAH

BILANGAN 3 TAHUN 2011

**PENGGUNAAN JENTERA BOMBA/UTILITI BAGI TUJUAN
PEMERIKSAAN DAN UJIAN PILI BOMBA, PEMBIASAAN KAWASAN
SERTA TUGAS KHAS LAIN-LAIN**

1. LATARBELAKANG

- 1.1 Pemeriksaan dan ujian pili bomba amat penting supaya ianya sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan setiap masa. Pada masa yang sama kehadiran kenderaan bomba dalam operasi kecemasan iaitu untuk mencapai response time yang ditetapkan perlu diberikan keutamaan.

1.2 Kejadian ketiadaan jentera bomba untuk menjalankan operasi kecemasan ekoran jentera bomba digunakan untuk pemeriksaan dan ujian pili bomba merupakan kes malang dan tidak boleh diterima oleh jabatan.

1.3 Oleh itu, penggunaan jentera bomba untuk tujuan menjalankan pemeriksaan dan ujian pili bomba perlu dikawal dan diselaraskan di setiap balai supaya setiap keluaran berupaya untuk menghadiri kebakaran di kawasan jagaan bila-bila masa.

2. TUJUAN

2.1 Arahan ini dikeluarkan sebagai tambahan kepada Arahan Pentadbiran Operasi Bilangan 1 Tahun 2010 (Peraturan Menjalankan Pemeriksaan Dan Ujian Pili Bomba Pada Waktu Malam) bagi mengelakkan kejadian ketiadaan kenderaan bomba menjalankan operasi kecemasan.

3. TAFSIRAN

Bagi maksud arahan ini, tafsiran yang digunapakai adalah seperti berikut.

3.1 “Jentera bomba”, bermaksud semua kenderaan bertangki air yang dilengkapi peralatan menyelamat.

3.2 “Kenderaan Utiliti ”, bermaksud semua jenis van, pacuan empat roda, lori pengangkutan, ‘Multi Purpose Vehicle’.

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Arahan ini terpakai kepada pemeriksaan dan ujian pili bomba, pembiasaan kawasan atau tugas khas lain-lain di luar kawasan response time jabatan khususnya bagi balai bomba mempunyai satu keluaran jentera bomba, corak waktu bertugas shif 24/12 jam dan tiada unit pemeriksaan pili bomba.

5. PELAKSANAAN

- 5.1 Tindakan kerja-kerja pemeriksaan dan ujian pili bomba, pembiasaan kawasan atau tugas khas lain-lain dengan penggunaan jentera bomba dan utiliti hendaklah dilakukan seperti di **Lampiran 1**.

6. TANGGUNGJAWAB KETUA BALAI

- 6.1 Ketua Balai hendaklah menentukan dan memastikan supaya tindakan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan ujian pili bomba dipatuhi sepenuhnya

7. PEMATUHAN

- 7.1 Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan kegagalan mematuhi arahan ini adalah satu kesalahan dan tindakan tatatertib boleh diambil.


9. PEMBATALAN

- 9.1 Arahan Ketua Pengarah ini merujuk kepada Arahan Pentadbiran Operasi Bil: 1/ 2010 (Peraturan Menjalankan Pemeriksaan Dan Ujian Pili Bomba Pada Waktu Malam) dalam Para 7, kenderaan yang digunakan untuk pemeriksaan dan ujian pili bomba adalah dipinda.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM)

Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia

Tarikh : 10 4 MAY 2011

**PENGUNAAN JENTERA BOMBA/UTILITI BAGI TUJUAN
PEMERIKSAAN DAN UJIAN PILI BOMBA, PEMBIASAAN KAWASAN
SERTA TUGAS KHAS LAIN-LAIN**

Jenis Balai/Keluaran	Corak Waktu berkerja	Tempat/Kawasan Pemeriksaan (Response Time)	Tindakan
Balai bomba Kategori 'C' (Satu keluaran Jentera Bomba)	Shif 24 jam atau 12 jam	(A) Response Time melebihi 10 minit	1. Tidak dibenarkan menggunakan jentera bomba 2. Menggunakan jentera utiliti dengan keanggotaan 2 orang sahaja. 3. Menyediakan peralatan pemeriksaan dan ujian pili bomba/peralatan lain-lain berkaitan dengan tujuan tugas. 4. Sediakan alat komunikasi untuk perhubungan. 5. Laporan kepada Pusat Gerakan Operasi Negeri
		(B) Response Time kurang 10 minit	1. Dibenarkan menggunakan kenderaan utiliti atau jentera bomba 2. Menyediakan kenderaan back up/kenderaan utiliti dengan meletakkan pam angkut dan aksesori yang boleh dioperasikan oleh anggota balai/Ketua Balai. 3. Laporan kepada Pusat Gerakan Operasi Negeri